

Musa: Kenyataan Dr. Mahathir tidak harus disalah tafsir

KOTA KINABALU 27 Jan. — UMNO Sabah menyokong kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menyambut baik keputusan beberapa pemimpin parti itu untuk berundur pada pilihan raya umum akan datang bagi memberi peluang kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi 'mengatur semula segalanya'.

Pengerusinya, Datuk Musa Aman berkata, kenyataan Perdana Menteri itu dibuat secara ikhlas dan tidak harus disalah tafsir oleh mana-mana pihak.

"Apa yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri adalah baik. Abdullah diberi peluang memilih sesiapa yang dirasakan boleh berkhidmat dan menyumbang kepada parti dan negara kerana beliau akan menggantikan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, lewat petang ini.

Musa mengulas mengenai kenyataan Dr. Mahathir semalam yang menyambut baik keputusan beberapa pemimpin UMNO

untuk berundur dan tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Antara yang menyuarakan kesediaan itu ialah Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim serta barisan exco negeri masing-masing.

Musa yang juga Menteri Kewangan Sabah berkata, kenyataan Dr. Mahathir itu bertujuan baik dan harus dilihat secara positif oleh semua ahli UMNO.

Katanya, apa yang penting ialah semua pihak harus menerima hakikat iaitu jawatan dalam parti atau pelantikan politik bukan sesuatu yang kekal.

"Kita semua akan terus berkhidmat selagi kita mampu menyumbang secara efektif dalam perjuangan parti dan kesejahteraan negeri dan negara.

"Kita harus bersedia melakukan apa sahaja untuk memudahkan pucuk pimpinan parti meneruskan perjuangan UMNO," jelas beliau.